



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 42
JABATAN	:	RMK-12 - KeTSA		

Dasar tenaga komprehensif akan dirangka

BH, 28
Sept
2021, 42

Dasar tenaga baharu yang komprehensif akan dirangka supaya menjadi panduan dalam menangani pelbagai isu, merentas beberapa sektor yang menggunakan tenaga dan memastikan pembangunannya sejajar dengan trend peralihan tenaga global.

Menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang dikeluarkan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), melalui dasar baharu itu prospek pertumbuhan masa depan yang berkaitan tenaga akan diteroka terutama potensi tenaga baharu daripada sumber tenaga bersih dan mampan, termasuk hidrogen.

"Pada masa kini sektor tenaga tidak mempunyai dasar yang menyediakan hala tuju strategik jangka panjang yang menyeluruh dan ditadbir urus oleh beberapa kementerian berbeza, yang mengakibatkan penggunaan tenaga tidak cekap dalam pelbagai sektor terutama pengangkutan, perindustrian dan komersial.

"Dasar tenaga baharu akan membolehkan Malaysia merangka pelan jangka panjang sasaran rendah karbon dalam sektor tenaga dan kelestarian alam sekitar, dapat ditangani dengan lebih baik melalui pelaksanaan dasar baharu ini," menurut kenyataan itu.

Selain itu, dokumen turut mencadangkan mewujudkan pelan komunikasi yang komprehensif untuk memperkukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan serta memudahkan usaha mendidik pengguna dan meningkatkan kesedaran mengenai kewajaran liberalisasi pasaran.

Ini kerana, pengguna mempunyai pemahaman yang terhad mengenai ekosistem tenaga, termasuk manfaat jangka panjang rasionalisasi subsidi dan kurangnya penyelarasan penyampaian maklumat mengenai pembaharuan pasaran dalam sektor tenaga, menyebabkan pengguna tidak berpuas hati.

Pelan baharu itu, katanya, akan memastikan penerimaan yang lebih baik oleh pihak berkepentingan serta membolehkan pembaharuan industri tenaga dapat dilaksana dengan lancar.

Dokumen itu turut menyebut bagi memastikan subsektor minyak dan gas berkembang secara progresif, penggunaan petrol dan diesel keluaran domestik akan diutamakan, selain pelaburan industri petrokimia bernilai akan digalakkan dan penggunaan bio-bahan api diperluaskan.

"Usaha ini akan menambah baik imbalan dagangan, merangsang pertumbuhan ekonomi, serta memastikan kemampanan rantaian nilai industri minyak dan gas seterusnya meningkatkan jaminan bekalan," katanya.